



SIARAN MEDIA

JANGAN LEPAS IKAN SAKIT: DOF PERKETAT KAWALAN ELAK VIRUS KHV

PUTRAJAYA, 7 April 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menegaskan bahawa status perairan umum di Semenanjung Malaysia kekal selamat dan bebas daripada jangkitan Koi Herpesvirus (KHV), meskipun terdapat kes dilaporkan di beberapa kawasan di Sabah. Melalui pelaksanaan berterusan Program Survelan Kesihatan Ikan Nasional, DOF mengesahkan tiada penularan KHV dikesan di sungai dan tasik di Semenanjung. Data turut menunjukkan penurunan kes di ladang ikan koi swasta daripada tujuh (7) kes pada tahun 2022 kepada tiga (3) kes pada tahun 2025, dengan kesemua kejadian berjaya dikawal sepenuhnya tanpa merebak ke perairan awam.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain menegaskan bahawa situasi di Sabah merupakan peringatan jelas bahawa ancaman penyakit ikan boleh berlaku pada bila-bila masa dan semua pihak tidak boleh leka dalam aspek biosekuriti. Beliau menegaskan bahawa pengusaha akuakultur perlu sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan tertinggi dengan mematuhi protokol kuarantin dan pengurusan ladang tanpa kompromi. Memandangkan KHV tidak mempunyai rawatan atau vaksin, tindakan pelupusan segera terhadap ikan yang dijangkiti adalah langkah paling berkesan bagi memutuskan rantai jangkitan dan mengelakkan penularan yang lebih luas.

Dalam masa yang sama, beliau turut memberi amaran bahawa sebarang tindakan melepaskan ikan berpenyakit atau menyalirkan air tercemar ke sistem saliran awam adalah tidak bertanggungjawab dan boleh memberi kesan serius terhadap kelangsungan spesies ikan tempatan seperti kelah dan lampam serta menjejaskan keseimbangan ekosistem perairan negara. Sehubungan itu, DOF akan terus memperkukuh langkah kawalan melalui pelaksanaan pemeriksaan berkala sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun ke atas ladang spesies *Cyprinidae*, memperketat kawalan kemasukan di pintu masuk negara dengan kerjasama MAQIS serta meningkatkan pemantauan dan kesiapsiagaan tindak balas pantas terhadap sebarang kejadian luar biasa.

DOF turut menyeru semua pengusaha dan orang awam agar segera melaporkan sebarang kejadian kematian ikan luar biasa kepada pejabat perikanan berhampiran. Kerjasama dan pematuhan berterusan terhadap garis panduan biosekuriti adalah kunci utama dalam memastikan industri ikan hiasan serta khazanah perairan negara kekal terpelihara daripada ancaman wabak.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my